

TARIKH	12 / 4 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	

Kos sebenar haji meningkat



ISMEE

JEDDAH - Kos sebenar mengerjakan ibadah haji tahun ini dijangka meningkat lagi, selaras pembangunan semasa projek perluasan kawasan sekitar Masjidil Haram di Kota Makkah, yang menyaksikan pihak Lembaga Tabung Haji (TH) terpaksa menyewa beberapa bangunan baru.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee berkata, berikutan pelaksanaan projek berkenaan, beberapa bangunan, termasuk yang disewa oleh TH untuk jemaah di musim haji lalu, sudah di-

robuhkan, menjadikan bangunan yang ditawarkan buat jemaah pada musim haji nanti semakin berkurangan.

Katanya, lazimnya pengurangan itu mengakibatkan kos bagi menyewa bangunan baru terus bertambah, sekali gus meningkatkan lagi kos sebenar pengurusan bagi tiap seorang jemaah.

Beliau menganggarkan tahun ini TH akan membiayai RM5,575 tiap seorang jemaah muasassah berbanding RM5,100 tiap seorang pada tahun lalu, bagi membolehkan bayaran haji kekal pada RM9,980 seperti tahun-tahun

sebelumnya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas mengambil bahagian dalam perbincangan antara TH dan Kementerian Haji Arab Saudi di sini.

Ismee berkata, soal penginapan para jemaah haji Malaysia ketika ini hampir diselesaikan oleh TH dan pihaknya sedang menguruskan beberapa urusan lain yang penting seperti penerbangan jemaah dan sebagainya.

Beliau berkata, biasanya soal pe-

nerbangan tidak membabitkan banyak masalah apabila pihaknya mendapatkan kerjasama baik daripada dua syarikat penerbangan utama untuk membawa jemaah ke tanah suci, iaitu penerbangan Malaysia dan Saudi Air.

Difahamkan, ketika ini surat-surat tawaran untuk mengerjakan haji musim ini sudah disampaikan kepada semua jemaah yang berkenaan, dan mereka sudah mula melaksanakan latihan untuk melicinkan urusan ibadah haji.

- Bernama